

14 JUN 2002

TIADA KUOTA DALAM UNIVERSITI SWASTA, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 14 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kuota tidak harus dikenakan bagi pengambilan penuntut bumiputera di universiti-universiti swasta.

Perdana Menteri berkata beberapa universiti swasta sudahpun mempunyai sejumlah besar penuntut bumiputera.

"Mengapa perlu terus ada 10 peratus (kuota) jika anda boleh ada 40 atau 50 peratus. Sudah ada universiti swasta di mana kita ada sejumlah besar (penuntut bumiputera). Kita hanya menghadkan mereka (jika kuota dikenakan)," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini selepas pulang daripada lawatan seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg.

Pergerakan Pemuda Umno meminta kuota 10 peratus bagi pengambilan penuntut bumiputera di universiti-universiti swasta selepas mendakwa bilangan mereka di institusi pengajian itu rendah berbanding di universiti awam.

Bagaimanapun, Kabinet memutuskan bahawa bilangan penuntut bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta perlu ditingkatkan walaupun tiada kuota.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semasa mengumumkan keputusan Kabinet itu, berkata terdapat 40 peratus penuntut bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta pada masa ini tetapi kebanyakannya berada di institusi yang disokong kerajaan atau mempunyai kepentingan bumiputera seperti Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Petronas.

-- BERNAMA

AT MAM JK NAK